

Kerelevanan Perubatan Tradisional Melayu dalam Konteks Singapura Moden



Humairah bte Zainal

Pensyarah Sambilan
Universiti Institut Pengurusan Singapura (UniSIM)

Tarikh: Rabu, 27 Februari 2013
Masa: 10.45pg - 12.15tgh
Tempat: NIE3-03-39 (ALC Journal Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Kajian telah membuktikan kepentingan Perubatan Biomedikal (PB) dalam menawarkan rawatan bagi pelbagai jenis penyakit. Namun, sejak perkembangan industri pelancongan yang menawarkan khidmat kesihatan baru-baru ini, Perubatan Alternatif (PA), termasuk Perubatan Tradisional Melayu (PTM) telah mendapat perhatian umum. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menganalisa peranan dan kerelevanan PTM dalam konteks Singapura moden menerusi perspektif teori modernisasi. Dalam pada itu, ia memeriksa sama ada PTM akan terus memainkan peranan yang penting dalam sebuah negara yang sedang pesat membangun. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkayakan korpus kajian mengenai PTM di Singapura. Instrumen kajian ialah temu bual bersama 10 pengamal PTM dan kaji selidik ke atas 100 orang penduduk Melayu di Singapura yang dipilih secara rambang. Data dianalisa dengan menggunakan kaedah statistik peratusan dan sisihan piawai untuk menunjukkan latar belakang responden kajian dan keberkesanan PTM. Dengan memberi tumpuan kepada bagaimana proses pemodenan telah menjejaskan amalan-amalan PTM serta sikap dan tanggapan orang Melayu terhadap jenis perubatan ini, hasil kajian ini menunjukkan bahawa PTM masih memainkan peranan yang signifikan dalam melestarikan budaya Melayu di Singapura dalam zaman moden ini.

Biodata:

Cik Humairah bte Zainal berjawat sebagai Pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Universiti Institut Pengurusan Singapura (UniSIM) dan Pembantu Penyelidik (Research Assistant) sambilan di bawah naungan Universiti Macquarie di New South Wales, Australia. Beliau memperoleh ijazah Sarjana dalam Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Nasional Australia (ANU) di bawah Program Gabungan Sarjana (Joint Degree Programme). Bidang kajian yang diminati beliau ialah amalan perubatan masyarakat Melayu, fileman Melayu dan aspek kebudayaan lain.



Dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Merayau Sepanjang Jalan: Rencaman Kritikan Sastera Melayu [Tinjauan terhadap *Ranjau Sepanjang Jalan*]

Dr Azhar Ibrahim

Felo Pelawat, Universiti Nasional Singapura

Tarikh: Rabu, 20 Mac 2013
Masa: 10.45pg - 12.15tgh
Tempat: NIE3-02-02 (CTL Seminar Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Umumnya dalam kajian kesusasteraan Melayu moden, kita diketemukan dengan tiga bahagian utama, yakni sejarah sastera, teori sastera, dan kritikan sastera. Satu lagi bahagian yang diberikan perhatian ialah pembelajaran sastera, dan ini tentunya diberikan keutamaan dalam institut pengajian tinggi yang mengkhususkan pelatihan guru. Semenjak kemerdekaan, wacana dan kajian terhadap kesusasteraan Melayu telah berkembang dan membangun, baik dari segi jumlah dan mutunya. Ini adalah perkembangan yang baik, sekaligus memantapkan Pengajian Melayu, di mana kajian dan kritikan sastera menjadi antara teras utamanya. Dari masa ke masa akan diketemukan dengan pelbagai buku pengantar tentang kritikan sastera, sama ada dari aspek teori kritikan, sejarah kritikan dan kompilasi pelbagai kritikan yang telah diusahakan. Dalam membicarakan kertas kerja ini, walaupun menyoroti lembaran kritikan yang telah dibuat ke atas novel *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnnon Ahmad, kita cuba merungkai beberapa persoalan penting, yakni: (a) meninjau ranah kritikan sastera Melayu, akan perkembangannya; (b) menilai trend kritikan sastera Melayu dan kesannya terhadap perkembangan sastera dan pemikiran Melayu itu sendiri; (c) mengimbas sejauh mana kritikan sastera sebahagian juga kritikan sosial (*literary criticism as social critique*); dan (d) mengajukan kerelevanan bahwa ranah sastera, termasuk kritikan dan kajiannya sebahagian daripada pengungkapan intelektualisme di kalangan inteligensia sastera Melayu. Akademikasi ilmu pengetahuan telah memukau kritikan sastera menjadi disiplin ilmu yang tegar, malah tertutup dan tidak bernafas dari angin dan udara dari luar. Makanya terjadilah kesaintifikan kritikan sastera yang kelak kaku, tidak manusiawi dan terperangkap dengan dunianya sendiri. Pendek kata, saat kita cenderung untuk mengatakan sekiranya kita menghendakkan sastera yang berterlibat, sebagaimana yang banyak dilafazkan sendiri oleh para penulis, penggiat dan sarjana sastera, begitu juga harus kita perlukan kritikan atau pengkritik sastera yang berterlibat.

Biodata:

Azhar Ibrahim, Ph.D. adalah seorang Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau meraih ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dari Jabatan yang sama pada tahun 2002 dan 2008. Antara bidang kajian yang beliau ceburi ialah sosiologi agama, sosiologi sastera, isu-isu literasi kritis dan pembangunan intelektual Melayu-Indonesia. Beliau melanjutkan kajian pasca-doktoral dalam bidang teologi sosial di Fakulti Teologi, Universiti Kopenhagen, Denmark dan di Program Pengajian Islam Abbasi di Universiti Stanford, Amerika Syarikat.



Dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Geolinguistik Melayu di Luar Nusantara



Dr Asmah Haji Omar

Profesor Emeritus, Universiti Malaya, Malaysia

Tarikh: Rabu, 12 Jun 2013
Masa: 10.30pg – 12.00tgh
Tempat: LT 11 (NIE5-01-LT11)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Bahasa Melayu mempunyai kawasan penyebaran yang sangat luas, bermula dari Gugusan Pulau-Pulau Melayu yang merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, yang juga dikenal sebagai Nusantara, yang boleh kita anggap sebagai kawasan tradisional penyebarannya. Di luar kawasan tradisional ini, terdapat kelompok-kelompok penutur bahasa Melayu seperti di daratan benua Asia, Sri Lanka, Australia, Timur Tengah, Afrika Selatan, Eropah, Britain dan Amerika Syarikat. Kawasan-kawasan seperti ini merupakan kawasan penyebaran bahasa Melayu yang bukan tradisional yang muncul sebagai hasil migrasi dan juga penyebaran bahasa merentasi sempadan. Bahasa Melayu di kawasan bukan tradisional mengalami “nasib” yang berbeza-beza, melihat dari segi daya hidup (*vitality*), dan keadaan ini bergantung pada dasar sosiopolitik negara tempat penutur itu bernaung.

Ceramah ini akan memperkatakan situasi bahasa Melayu di luar Nusantara dan mencuba menjelaskan kedudukannya di kawasan-kawasan itu dalam teori Geolinguistik.

Biodata:

Asmah Haji Omar meraih ijazah Sarjana dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia dari Universitas Indonesia, Jakarta, pada tahun 1963, kemudian ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik Am dari School of Oriental and African Studies, Universiti London, pada tahun 1969. Beliau pernah memegang beberapa jawatan penting di Universiti Malaya dan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kini Profesor Emeritus Linguistik Bahasa Melayu di Universiti Malaya sejak persaraannya pada tahun 2000. Masih memberi syarahan dan menyelia tesis Ph.D. di universiti yang sama. Kajian beliau dalam bidang dasar dan perancangan bahasa, perkembangan bahasa, sosiolinguistik, etnolinguistik, tatabahasa bahasa Melayu, dan tatabahasa bahasa-bahasa asli di Malaysia. Hasil kajian banyak diterbitkan di jurnal-jurnal linguistik tempatan dan antarabangsa.



Dipersilakan hadir!



Bahasa Melayu Di Singapura: Cabaran, Dilema dan Masadepan



Dr Roksana Bibi Abdullah

Profesor Madya, Institut Pendidikan Nasional,
Universiti Teknologi Nanyang

Tarikh: Rabu, 18 September 2013
Masa: 10.45pg - 12.15tgh
Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Singapura merupakan sebuah negara kosmopolitan yang diduduki oleh rakyat daripada pelbagai bangsa, agama dan bahasa. Kerencaman latar belakang masyarakat dan sejarah sosio politik yang dilalui oleh penduduknya, ditambah dengan sistem ekonomi yang berfokus kepada tenaga manusia, bahasa ibunda rakyat Singapura telah mengalami satu evolusi yang memberi kesan yang besar sekali. Saingan yang dialami oleh bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain, sistem pendidikan di Singapura serta dilema yang dialami oleh masyarakat Melayu sendiri telah menyebabkan kedudukan dan penggunaannya tidak sehebat zaman awal dahulu. Sesi perkongsian ini akan menelusuri sejarah perkembangan dan membincangkan status bahasa Melayu di Singapura kini sebagai bahasa ibunda masyarakat minoriti.

Biodata:

Roksana Bibi Abdullah, Ph.D., adalah seorang Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu yang menjurus dalam bidang sosiolinguistik, khususnya pengekalan dan peralihan bahasa. Prof Roksana mempunyai pengalaman mengajar di NIE selama 19 tahun.



Dipersilakan hadir!



Perkembangan Muzik Melayu



Encik Yusnor Ef

Pemenang Pingat Budaya 2011

Tarikh: Rabu, 9 Oktober 2013
Masa: 10.45pg - 12.15tgh
Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Warisan Seni Budaya Melayu adalah khazanah bangsa. Generasi terkini harus mengenali warisan sejarahnya. Kerana “ jiwa sesebuah Negara terletak dalam warisanya. Tanpa masa silam tiada sekarang, Tanpa sekarang maka tiada masa hadapan.” *The soul of the Nation lies in our heritage. Without the past, we have no present, Without the present we have no future*” – kata-kata Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Presiden Badan Warisan Malaysia.

Ceramah ini akan memperkatakan perihal perkembangan Seni Muzik Melayu sebelum perang dunia kedua, dalam masa pemerintahan Jepun dan berganti British, sehingga muzik Melayu sejak 40an sampailah kepada muzik ketika ini. Zaman M. Yatim, Mareoti, Ahmad C. B., Nona Asiah, membawa kepada Era P. Ramlee sehingga kini era Siti Norhaliza.

Biodata:

Cikgu Yusnor Ef, atau nama sebenarnya Mohamed Noor bin Mohamed Yusofe, seorang penulis lirik yang terkenal di Nusantara. Dilahirkan di Singapura pada 12 September 1937, kerjaya Cikgu Yusnor sebagai seorang pendidik, penerbit, pemuzik dan pakar filem Melayu menjangkau 40 tahun. Beliau juga aktif sebagai seorang aktivitis muzik. Antara sumbangannya yang penting adalah penubuhan PERKAMUS pada 1992 untuk memperjuangkan nasib penyanyi, komposer dan pemuzik professional. Jasa beliau kepada muzik Melayu Singapura dikenang oleh pemerintah dengan penganugerahan Pingat Budaya pada 2011.



Dipersilakan hadir!

